



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## APRESIASI KARYA “FOLK ART” ZAHIR YUSOF DALAM KONTEKS PERSEKITARAN SOSIAL MASYARAKAT MASA KINI

BAHARUDIN BIN SHAMSUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA  
(PENGAJIAN SENI HALUS)

FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila Taipkan (✓):**

Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20 **SEPTEMBER 2017**.

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, **BAHARUDIN BIN SHAMSUDDIN, M20142001437, FSKIK** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **APRESIASI KARYA 'FOLK ART' ZAHIR YUSOF DALAM PERSEKITARAN SOSIAL MASYARAKAT MASA KINI** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya




---

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **DR. ABDUL AZIZ BIN ZALAY@ZALI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **APRESIASI KARYA 'FOLK ART' ZAHIR YUSOF DALAM KONTEKS PERSEKITARAN SOSIAL MASYARAKAT MASA KINI** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZahar bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=>PhD & mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA SASTERA (PENGAJIAN SENI HALUS)**.

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia





## ABSTRAK

Penyelidikan ini dibuat bertujuan untuk menjelaskan apresiasi sebenar dalam melihat seni folk karya Zahir Yusof dari sudut interdisiplin. Penyelidikan ini bermula dengan pengenalpasti intraestetik karya iaitu bentuk, simbol serta imej dalam karya. Ini seterusnya membawa kepada melihat pengaruh karya tersebut terhadap institusi sosial masyarakat. Pengaruh yang dimaksudkan adalah persekitaran, perilaku, keperluan serta nilai dalam seni ‘Folk Art’ Zahir Yusof sebagai satu unsur apresiasi ekstraestetik. Empat bentuk ‘Folk Art’ dianalisa berdasarkan konsep tertentu iaitu ‘Rosmaling’, ‘Zhovtovo’, ‘Bauernmalerei’ serta ‘Canalboat’. Penyelidikan ini mempraktiskan metod kualitatif dengan pendekatan kajian kes disamping menggunakan empat kaedah utama iaitu rakaman fotografi, pemerhatian, temu bual serta dokumentasi. Dapatan kajian menunjukkan nilai serta kepercayaan mewujudkan identiti Zahir Yusof yang tersendiri terhadap gaya dan olahan idea yang dihasilkan. Ini secara tidak langsung memberi implikasi terhadap bidang seni halus dimana ia dapat mendekatkan seni dengan masyarakat serta memeriahkan lagi aktiviti seni halus tempatan. Penjelasan apresiasi ‘Folk Art’ Zahir Yusof ini memberi makna dalam aspek rupa bentuk, imej dan simbol serta meninggalkan pengaruh positif terhadap institusi sosial masyarakat pada masa kini bersesuaian dengan gerakan seni pascamoden.





## APPRECIATION TO ZAHIR YUSOF'S FOLK ART IN THE TODAYS CONTEXT OF SOCIAL ENVIRONMENT

### ABSTRACT

This thesis aims to explain the real appreciation of folk art in view of Zahir Yusof from the interdisciplinary angle. It begins with the intraecstatic identification of art such as shapes, symbols and images. This in turn leads to the observation of its effect towards the social community institutions. The effect in question is the environment, behaviour, needs and values in Zahir's folk art as an element of exstra aesthetic appreciation. Four forms of folk art are analyzed based on certain concepts, namely 'Rosmaling', 'Zhostovo', 'Bauernmalerei' and 'Canal Boat'. The design of this study practiced a qualitative method with case study approach in addition to the four main methods such as photography recording, observation, interview and documentation. Values and belief created a distinctive identity of Mr. Zahir towards the style and ideas that he generated. This is turn reflects deeply on the field of fine arts where it brings the community closer to arts plus creating a vibrance towards the local arts activities. The clarification in the appreciation of Zahir Yusof's folk arts give a deep meaning in the aspect of appearance, shape, image and symbol while leaving a positive influence towards the social institution at present compatible with the postmodernism art movement.





## KANDUNGAN

**Muka surat**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

vi

**PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS**

**PENGHARGAAN**

ivv

**ABSTRAK**

v

**ABSTRACT**

vi

**KANDUNGAN**

vii

**SENARAI JADUAL**

xi

**SENARAI CARTA**

xii



**SENARAI MOTIF**

xiv

**SENARAI GAMBAR**

xv

**SENARAI LAMPIRAN**

xvi

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Kerangka Konsep	8
1.5	Tujuan Kajian	9
1.6	Persoalan Kajian	10





1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Definasi Konseptual	11
1.9.1	Apresiasi Seni	12
1.9.2	‘Folk Art’	14
1.9.3	Imej dan Simbol	15
1.9.4	Sosial Masyarakat	15
1.9.5	Persekutuan, Keperluan, Nilai dan Perilaku	19
1.10	Kesimpulan	20

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR



2.1	Pengenalan	22
2.2	Sejarah ‘Folk Art’	23
2.3	Rosmaling, Zhostovo, Bauernmalerei dan Canalboat	31
2.4	Perkembangan ‘Folk Art’ di Malaysia	39
2.5	Kajian Lepas ‘Folk Art’	40
2.6	Kajian lepas Imej dan Motif	43
2.7	Kajian lepas estetika dan kritikan seni	45
2.8	Kajian lepas apresiasi seni	46
2.9	Kajian lepas persekitaran sosial	48
2.10	Kesimpulan	51



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	53
3.2 Rekabentuk kajian	54
3.3 Pengumpulan Data	56
3.4 Fotografi dan Penelitian Karya	57
3.5 Pemerhatian	63
3.6 Temu bual	64
3.7 Dokumentasi	68
3.8 Kesimpulan	70

**BAB 4 APRESIASI 'FOLK ART' ZAHIR YUSOF**

4.1 Pengenalan	72
4.2 pu Estetika 'Folk Art' Zahir Yusof	73
4.3 Rosmaling	76
4.3.1 Deskripsi	78
4.3.2 Analisa Karya	81
4.3.3 Interpretasi	83
4.3.4 Penilaian	85
4.4 Zhostovo	85
4.4.1 Deskripsi	87
4.4.2 Analisa Karya	89
4.4.3 Interpretasi	91
4.4.4 Penilaian	92
4.5 Bauernmalerei	93





4.5.1	Deskripsi	96
4.5.2	Analisa Karya	99
4.5.3	Interpretasi	100
4.5.4	Penilaian	101
4.6	Canalboat	102
4.6.1	Deskripsi	104
4.6.2	Analisa Karya	106
4.6.3	Interpretasi	108
4.6.4	Penilaian	109
4.7	Ekstraestetika ‘Folk Art’ Zahir Yusof	109
4.8	Kesimpulan	117

**BAB 5 DAPATAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	119
5.2	Dapatan Kajian	120
5.3	Kesimpulan kajian	123
5.4	Implikasi kajian terhadap seni halus	124
5.4.1	Mendekatkan seni dengan masyarakat	125
5.4.2	Memeriahkan seni halus tempatan	126
5.5	Cadangan	127
	<b>RUJUKAN</b>	<b>130</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>133</b>
	<b>Biodata artis</b>	<b>156</b>





## SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka surat
3.1 Jadual bilangan keseluruhan karya ‘Folk Art’ Zahir Yusof	61
3.2 Jadual perbincangan karya ‘Folk Art’ Zahir Yusof	62
3.3 Perbincangan karya 'Folk Art' Zahir Yusof	62
4.1 Reka bentuk Rosmaling adaptasi Gene A. Mittler (2006)	81
4.2 Reka bentuk Zhostovo adaptasi Gene A. Mittler (2006)	89
4.3 Reka bentuk Bauernmelerei adaptasi Gene A. Mittler (2006)	99
4.4 Reka bentuk Canalboat adaptasi Gene A. Mittler (2006)	106



**SENARAI CARTA**

<b>No. Carta</b>		<b>Muka surat</b>
4.1	Carta deskripsi Rosmaling Zahir Yusof	78
4.2	Carta deskripsi Zhostovo Zahir Yusof	87
4.3	Carta deskripsi Bauernmalerei Zahir Yusof	96
4.4	Carta deskripsi Canalboat Zahir Yusof	104





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1.	Kerangka konsep adaptasi daripada idea George Herbert Mead (1934) 8
1.2.	Teori George Herbert Mead terhadap Individu dan masyarakat. 18
3.1.	Operasi kritikan seni adaptasi Gene A.Mittler, (2006) 59
3.2.	Contoh transkripsi dan jadual ‘coding’ perisian ATLAS.ti 68
3.3	Ringkasan metodologi kajian 70
4.1	Teori ‘Symbolic Interactionist’ 111





## SENARAI MOTIF

No. Motif	Muka surat
4.1. Bunga mawar atau ros dengan teknik ‘double stroke’	97
4.2. Daun bunga mawar dengan teknik ‘double stroke’	98
4.3. Bunga tulip dengan teknik ‘double stroke’	98
4.4. Motif kain “lace”	105
4.5. Bunga mawar dengan teknik ‘double loading’	107
4.6. Kepelbagai jalinan	107





## SENARAI GAMBAR

<b>No.Gambar</b>		<b>Muka surat</b>
2.1.	Muzium Folk Art Amerika,sumber: Magazineantiques.com	28
2.2.	Muzium Folk Art Amerika, sumber: Williamsburgvacations.com	29
2.3.	Muzium ‘Mingei’, sumber: Brooklyn Museum Photograph, (1985)	29
2.4.	Pasar ‘Folk Art’ antarabangsa, sumber: Pinterest.com (2015)	30
2.5.	Plaque Rosmaling, Shirley Peterich, sumber: Artezan.com	31
2.6.	Dulang Zhostovo, G. Hitrov “A Morning outside Moscow”. (2002)	33
2.7.	Kotak Bauernmalerei, Scottie Foster, artzan.com	35
2.8.	Bekas air Canalboat, sumber: Julie.co.uk.	37
2.9.	Sia Batik karya: Aniza Ramli	39
2.10.	‘Kotak Batik Jawa’ Karya: Aniza Ramli	40
4.1.	Rosmaling, (2005) Sumber : Koleksi Zahir Yusof	76
4.2.	Garisan strok ‘S’ dan koma menampakkan pergerakan	82
4.3.	Keseimbangan ruang Rosmaling (Simetri)	83
4.4.	Zhostovo, Sumber : Koleksi Zahir Yusof (2005)	85
4.5.	Keseimbangan ruang Zhostovo (simetri)	91
4.6.	Bauernmalerei, Sumber : Koleksi Zahir Yusof (2004)	93
4.7.	Canalboat, Sumber : Koleksi Zahir Yusof (2004)	102





## SENARAI LAMPIRAN

- A : Matrik Pengumpulan Data
- B : Transkrip Temu Bual 1
- C : Transkrip Temu Bual 2
- D : Laporan Query ‘Persekutaran’
- E : Laporan Query ‘Keperluan’
- F : Laporan Query ‘Nilai’
- G : Laporan Query ‘Perilaku’
- H : Ringkasan Struktur Penyelidikan



- J : PENYELIDIK BERSAMA ARTIS





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kewujudan stail atau aliran seni baru diera pasca moden seperti seni digital serta multimedia telah menyebabkan keperluan transformasi terhadap cara melihat dan



menghayati seni. Penghayatan atau apresiasi seni secara konvensional yang telah digunakan sekian lama hanya berkisarkan kepada penilaian keindahan karya semata-mata. Ironinya, setelah memasuki era pasca moden ini, cara melihat serta menghargai hasilan karya seni seharusnya melangkaui apa yang telah dilalui era sebelumnya. Tanggapan bahawa liputan seni rupa hanya melibatkan segelintir golongan tertentu yang digelar artis serta karyanya hanya dapat dihayati oleh golongan tertentu juga perlu berubah. Dalam hal ini, cara mengapresiasi hasilan karya seni kini telah jauh berkembang apabila wujudnya idea melihat keindahan sesuatu karya seni itu keluar daripada ruang lingkup bidang atau disiplinnya sendiri.





Kini melihat keindahan hasilan seni perlu juga memikirkan manfaat dan kesannya terhadap disiplin ilmu yang lain dalam akademik seperti sosial, budaya, antropologi bahkan sains. Ini selari dengan perubahan dalam perkembangan karya seni visual itu sendiri yang telah pun keluar daripada kepompong cara persembahan lama kepada gaya baru seperti penggunaan media baru bersesuaian dengan dunia teknologi dan multimedia terkini. Melihat kepada perkembangan apresiasi inilah, penyelidik cuba menyingkap perihal satu cabang seni halus yang agak dipinggirkan.

Menurut Sir David Piper, (1984), 'Folk Art' adalah seni berdasarkan reka bentuk tradisional, dan dihasilkan oleh masyarakat petani. Ia lebih umum berkaitan dengan hiasan, seperti dalam bentuk tenunan, logam, ukiran kayu dan sulaman. 'Folk

Art' dengan namanya sahaja seperti salah tanggap oleh ramai orang dengan kefahaman mereka sebagai 'Pop Art'. Ini menunjukkan betapa pengetahuan berkenaan 'Folk Art' ini di Malaysia sangat cetek di kalangan masyarakatnya. Walhal seni 'Folk Art' sebenarnya telah mendapat tempat yang sangat istimewa dikalangan masyarakat negara maju sehingga ianya telah menjadi satu cara hidup dan budaya mereka dalam kehidupan sehari-hari.

## 1.2 Latarbelakang Kajian

Seni merupakan bentuk asas komunikasi manusia. seni muzik, seni tari, seni lakonan mahupun seni visual boleh dianggap sebagai cara orang dahulu dan sekarang meluahkan perasaan diri mereka bagi menarik minat dan penghargaan orang lain. Seni visual khasnya dalam konteks ini merupakan satu ekspresi yang unik berkaitan idea,





kepercayaan, pengalaman serta perasaan yang diluahkan dalam bentuk visual. Seni halus merujuk kepada catan atau arca iaitu seni yang tidak mempunyai fungsi praktikal dan dinilai melalui keterujaan terhadap visualnya atau kejayaan dalam menyampaikan buah fikiran dan perasaan. Seni gunaan pula merupakan rekaan atau dekorasi pada objek berfungsi bagi menyenangkan mata memandang (Gene A. Mittler, 2006, ms.9). Menurut beliau lagi tidak ada sempadan yang jelas yang membezakan seni halus dan seni gunaan. Begitulah juga ‘Folk Art’ yang boleh dikategorikan sebagai salah satu cabang seni dekorasi iaitu satu istilah universal yang merujuk kepada hiasan barang dari pelbagai objek dengan melakar dan mengecat di atas permukaannya. Artis ‘Folk Art’ mengaplikasikan pelbagai jenis teknik lukisan untuk menghidupkan objek berfungsi ke dalam barang-barang hiasan yang unik.



zaman prasejarah lagi. Semua budaya kelihatan seolah-olah mempunyai keperluan yang mendalam untuk meningkatkan persekitaran mereka dengan pelbagai artifak hasilan sejarah yang seterusnya mempengaruhi kehidupan seharian. Begitulah juga dengan budaya yang terdapat di Eropah. Di Eropah inilah bermulanya ‘Folk Art’ tradisi yang mana telah melahirkan banyak kesenian seni rupa ‘Folk Art’ yang berlainan motif dan bentuk berbeza mengikut negara dan kerakyatan masing-masing. Mengambil contoh seperti Norway dengan *Rosmaling*, Jerman dengan *Bauernmalereinya*, England dengan ‘*Canalboat*’ nya dan banyak lagi. Namun demikian, keindahan serta faedah kebaikan kesenian ini tidak dapat dilihat apatah lagi diamalkan oleh masyarakat di Malaysia, tidak seperti masyarakat di Negara kelahiran asal ‘Folk Art’ ini yang telah berjaya menjadikan seni ‘Folk Art’ sebagai salah satu





pendekatan atau kaedah dalam melahirkan rakyat berketrampilan serta berfikiran kelas pertama sepadan dengan statusnya sebagai Negara maju.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan latar belakang kajian yang telah dihuraikan, Kepentingan ‘Folk Art’ perlu dilihat dan diperjelas. Tetapi ini tidak berlaku di Malaysia. Hanya segelintir masyarakat yang cenderung membabitkan diri dalam seni ‘Folk Art’ ini, itu pun hanya disebabkan minat yang lahir setelah terbabit dengan bidang di luar seni. Menurut Mohd Johari, (2004) di Malaysia, apabila membicarakan tentang seni, masih ramai menganggap seni adalah sesuatu yang tidak penting dalam kehidupan manusia. Menurut Mohd Johari, (2008, ms. 49) lagi dari segi pendidikan, ideologi seni memberi tumpuan kepada penglibatan individu dan tidak menyeluruh seperti tumpuan kepada kerja-kerja kumpulan atau sosial. Cara menghasilkan karya seni yang berkualiti pun seperti tidak ada kesungguhan dalam pengajaran dan pembelajaran. Apatah lagi penekanan dalam aspek apresiasi atau penghargaan serta kritikan seni. Pendekatan apresiasi dan kritikan seni langsung tidak pernah difikirkan kepentingannya. Hal ini disokong oleh Anwar Ridhwan (2015) Pengarah Kanan Fakulti Penulisan Kreatif Aswara yang menyatakan, di negara kita pendidikan seni dan budaya belum dianggap sebagai sesuatu bidang yang penting. Malah, nilai pendapatan industri kreatif negara ini yang berasaskan seni dan budaya mencecah puluhan billion ringgit setahun.

Begitu banyak dan pelbagai faedah serta nilai baik yang ditawarkan melalui aktiviti kesenian ‘Folk Art’ ini. Segalanya adalah tidak bermakna seandainya





masyarakat dalam sesuatu komuniti itu tidak dapat melihat faedah dan kebaikan tersebut. Untuk tujuan itulah terlebih dahulu masyarakat perlu mempunyai sifat menghargai hasilan sebuah karya. Sifat menghargai ini wujud lantaran daripada cara apresiasi dibuat terhadap sesebuah karya. Justeru, peranan apresiasi tidak boleh diabaikan dalam sesuatu hasilan karya. Disinilah permasalahan besar ingin diketengahkan iaitu apresiasi sebenar dalam melihat ‘Folk Art’.

Kebanyakan apresiasi seni di Malaysia khasnya masih lagi terikat dan terkongkong dengan corak apresiasi konvensional yang telah ketinggalan dan tidak relevan lagi penggunaannya untuk digunakan dalam konteks seni pascamoden sekarang. Bertepatan dengan pandangan Abdul Halim (2014):



pemikiran pasca moden, di mana semuanya menuntut agar sesuatu disiplin ilmu itu boleh berdiri dengan sendiri dalam konteks penjelasan yang relevan. Maka pendekatan interdisiplin menjadi pendekatan yang sesuai dalam usaha melihat penyelidikan berkembang dalam konteks semasa.”

(Abdul Halim, 2014 ms.62)

Menurut beliau lagi bidang seni tidak seharusnya berfokus kepada persoalan dalaman seni yang bersifat intraestetik, sebaliknya juga perlu memandang perkaitannya dengan bidang ilmu lain supaya penjelasan berkenaan penyelidikan yang dihasilkan akan lebih sesuai dalam konteks semasa.





Apresiasi seni dalam konteks pasca moden ini adalah satu pengkajian melibatkan hubungan rapat antara seni dan pelbagai disiplin lain. Menurut Bangun, (2001) bagi pengikut pasca moden penemuan dan keunikan bukanlah hal yang biasa dalam penciptaan karya seni. Sebaliknya, seni dalam pandangan kaca mata mereka tidak dapat dipisahkan dari kehidupan, seni seharusnya mampu mengekspresikan pelbagai persoalan diluar seni, tegasnya pengertian seni harus diperluas dan bukan hanya sekadar bentuk semata-mata (ms.69). Pandangan beliau ini disokong oleh Ahmadrashidi Hasan, (2006 ms.6) yang menyatakan seni lukis yang lazimnya sinonim dengan keindahan murni dengan teori-teori estetiknya mula mengambil wajah baru apabila seni itu tidak semestinya indah. Seni itu adalah idea yang dilontar oleh senimannya dan seniman berhak memilih cara yang paling berkesan. Maka lahirlah karya seni baru pasca moden yang tidak lagi berpaksi kepada keindahan semata-mata.



Seni ‘Folk Art’ telah mendapat pengiktirafan sewajarnya apabila dari sudut budaya, ia telah diiktiraf sebagai salah satu daripada pembangunan dalam seni visual. Ini bertepatan dengan pandangan Wang (2010), dari perspektif budaya visual, setiap keping karya seni adalah dilihat sama rata di mana ‘Folk Art’ kini telah berkembang sebagai salah satu ciri pembangunan dalam bidang seni visual. Antara ciri ‘Folk Art’ adalah karya seni dihasilkan oleh individu yang bukan berlatar belakangkan seni iaitu pengkaryanya adalah individu yang tidak mempunyai pengetahuan formal seni. Namun demikian, memandangkan kepentingannya mampu membentuk karektor individu, adalah disarankan agar ‘Folk Art’ ini diangkat sebagai antara gerakan seni terpenting dalam melahirkan masyarakat berketrampilan dan bertanggungjawab. Justeru, penyelidik terpanggil untuk membuat penyelidikan ini dengan tujuan untuk






menawarkan kepada masyarakat yang meminati seni cara sebenar melihat keindahan ‘Folk Art’ dan seterusnya dapat menghargai objek karya ‘Folk Art’ sekali gus diharapkan mampu menerapkan elemen-elemen persekitaran yang baik dalam kelompok mereka bertepatan dengan pandangan Simone (1999), Kemasukan "orang seni" dan " luar seni " dalam kurikulum seni boleh berfungsi sebagai alat kesedaran. Dari segi sosialnya, bentuk kesenian ‘Folk Art’ ini adalah sesuai untuk kanak-kanak dimana ia membantu untuk membina rasa berkaitan dengan masyarakat dan meningkatkan penerimaan kepelbagaiannya, yang seterusnya boleh meningkatkan pemahaman tentang isu budaya.

Diakui sememangnya ‘Folk Art’ juga telah lama wujud lantaran daripada minat serta hobi individu tertentu, cuma dalam ketidaksedaran membuatkan masyarakat tidak dapat melihat apakah ‘Folk Art’ dan kepentingannya kepada diri sendiri, keluarga serta masyarakat sekeliling. Dalam erti kata lain, penghargaan atau apresiasi terhadap keindahan seni itu sendiri seakan tiada diberi penekanan. Atas dasar kenaikan masyarakat inilah, penyelidik cuba mengambil peluang untuk mengkaji berkenaan ‘Folk Art’ serta merungkai sejauh mana apresiasi terhadap ‘Folk Art’ mampu memberi kesan terhadap persekitaran sosial masyarakat.





#### 1.4 Kerangka Konsep



Rajah 1.1 Kerangka konsep adaptasi daripada idea George Herbert Mead (1934)

**Rajah 1.1** menunjukkan kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini. Apresiasi seni ‘Folk Art’ menggunakan pendekatan bentuk dan imej atau simbol melalui empat langkah iaitu diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian sebagai intraestetika digabungkan bersama empat konsep ekstraestetik iaitu persekitaran, perilaku, keperluan dan nilai. Dalam lingkaran paling dalam iaitu selepas ‘Folk Art’ merupakan persoalan kajian yang ingin dicari jawapannya iaitu bentuk ‘Folk Art’ Zahir yusof serta imej dan motif dalam karya yang beliau pamerkan.





Konsep kerangka ini memperjelaskan secara terperinci didalam definisi konseptual. Ekstraestetik ‘Folk Art’ akan mengambil konsep daripada idea George Herbert Mead (1934) yang merupakan interdisiplin kajian dimana bidang luar kesenian diambil sebagai impak kepada bidang utama kajian dalam kes ini bidang sosialisasi budaya. Dalam teori sosialisasi beliau, George Herbert Mead memperkenalkan ‘symbolic interactionism’. Melalui kajian beliau Mind, Self and Society (1934), beliau menjelaskan bahawa masyarakat adalah sumber perubahan kepada individu dimana manusia sentiasa berubah secara dinamik iaitu simbol berubah dalam interaksi, perubahan diri dalam interaksi dan fikiran sendiri dianggap sebagai interaksi tidak sebagai sesuatu benda.

Meads menyatakan ketiga-tiga konsep iaitu masyarakat, diri individu dan minda bersama-sama membentuk segi tiga saling bergantung antara satu sama lain. Konsep-konsep ini disatukan melalui simbol membolehkan ketiga-ketiga konsep itu berkomunikasi dan berinteraksi yang sekaligus dapat melahirkan individu berketrampilan positif seperti mana yang cuba ditonjolkan dalam kajian ini iaitu untuk menampilkan faedah serta kebaikan ‘Folk Art’ dari segi keperluan, perilaku, persekitaran serta nilai.

## 1.5 Tujuan Kajian

Secara umumnya, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji estetika karya ‘Folk Art’ Zahir Yusof dan impaknya terhadap persekitaran sosial masyarakat. Secara spesifiknya pula tujuan kajian adalah untuk: -

- (i) Menjelaskan bentuk ‘Folk Art’ ciptaan Zahir Yusof.





- (ii) Mengenalpasti dan mentafsir imej serta simbol yang wujud dalam ‘Folk Art’ Zahir Yusof.
- (iii) Menghuraikan pengaruh karya ‘Folk Art’ Zahir Yusof terhadap persekitaran sosial masyarakat.

### 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan tujuan penyelidikan yang telah dibincangkan sebelum ini, maka persoalan penyelidikan yang cuba dijawab dalam kajian ini ialah: -

- (i) Apakah bentuk ‘Folk Art’ Zahir Yusof?
- (ii) Apakah imej dan simbol yang wujud dalam karya Zahir Yusof?
- (iii) Bagaimanakah seni ‘Folk Art’ Zahir Yusof mempengaruhi persekitaran sosial masyarakat?

### 1.7 Kepentingan Kajian

Secara teorinya, kajian ini cuba meningkatkan kemahiran membuat apresiasi melalui ‘interdisiplin’ iaitu gabungan apresiasi seni konvensional (diskripsi, analisis, intepretasi dan penilaian) bersama bidang sosial. Secara praktisnya pula, kajian ini akan memperjelaskan bagaimana hasilan ‘Folk Art’ itu dapat mempengaruhi persekitaran, perilaku, keperluan serta nilai masyarakat sekeliling. Penyelidikan ini akan menjadi sumber rujukan kepada pelajar, penyelidik dan seluruh masyarakat





amnya. Pada dasarnya penulisan ini adalah suatu usaha untuk membantu mengatasi kekurangan bahan penulisan yang berkaitan dengan ‘Folk Art’ di Malaysia.

Dengan itu penulisan ini dianggap penting kerana melaluiinya maklumat mengenai ‘Folk Art’ di Malaysia akan dapat dikemas kini dan diketengahkan. Selain dari itu, kajian ini juga boleh dijadikan sumber rujukan dan perbandingan kepada individu atau pihak yang terlibat di dalam memartabatkan bidang seni khususnya pemeliharaan dan pemuliharaan budaya dan tradisi.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas hanya kepada responden utama iaitu Encik Zahir Yusof. Selain itu

Batasan Masa adalah bermula dari saat Encik Zahir berkecimpung dalam ‘Folk Art’ sehingga kini. Pengkaji membataskan karya yang dirujuk hanya dari tahun Encik Zahir bermula secara profesional dalam ‘Folk Art’ sehingga kini. Disamping itu juga tempat kajian akan hanya melihat perkembangan ‘Folk Art’ sekitar Lembah Klang sahaja terutama kawasan sekitar Petaling Jaya. Karya yang menjadi pilihan untuk dikaji adalah terbatas hanya kepada empat jenis ‘Folk Art’ iaitu ‘Rosemaling’, ‘Zhostovo’ ‘Bauernmalerei’ serta ‘Canalboat’

## 1.9 Definasi Konseptual

Konseptual dalam kajian ini ditunjangkan mengikut kerangka konsep seperti dijelaskan di dalam subtajuk 1.4 iaitu mendalami maksud ‘Folk Art’, motif dan apresiasi seni yang terdiri daripada diskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian. Ini





seterusnya akan menjelaskan konsep interdisiplin bagi sosialisasi iaitu keperluan, prilaku, persekitaran serta nilai dalam masyarakat.

### 1.9.1 Apresiasi Seni

Menghargai atau apresiasi seni adalah satu kritikan seni. Menurut Edwin Moore & Fiona Mackenzie Moore, (1993), estetika merupakan falsafah mengenai citarasa dan kecantikan serta menyediakan kriteria untuk kajian kritikal dalam seni. Menurut Sir David Piper, (1984), melalui Kamus Dictionary of Art & Artists pula estetika merupakan satu cabang falsafah yang berkaitan dengan konsep kecantikan serta berdasarkan kritikan seni. Namun demikian, merujuk kepada Gene A.Mittler (2006, ms.18) mendefinisikan estetik sebagai cabang falsafah berkenaan dengan mengenal pasti petunjuk dalam karya seni yang boleh digunakan untuk memahami, menghakimi dan mempertahankan penghakiman mengenai karya. Walaubagaimanapun menurut tokoh seni Malaysia iaitu Mohd Johari Ab. Hamid, (2008 ms.4) apresiasi atau penghayatan merupakan salah satu aktiviti melihat, merenung dan menghayati karya. Manakala kritikan seni pula adalah disiplin ilmu yang mengkaji nilai-nilai estetika dari sudut falsafah, teori, sejarah dan sebagainya. Ia merupakan disiplin asas yang memerlukan penglibatan sepenuhnya dari semua aspek. Menurut Zakaria Ali, (1989 ms.12) pula, apresiasi seni adalah satu latihan yang memerlukan penglibatan sepenuhnya deria pandang dan sentuh.

Objek seni berupa catan dan cetakan dipandang manakala objek berupa arca dan binaan disentuh. Bagi seni ‘Folk Art’ ini kedua-dua deria digunakan iaitu catannya dipandang serta objeknya disentuh. Pentafsiran terhadap karya seni itu boleh





difahami apabila kita berpeluang menghargainya. Bagi memulakan apresiasi seni, penghayat mestilah faham akan objek seni itu sendiri. Peranan kita sebenarnya sebagai pemerhati ialah untuk melihat karya seni itu, bagaimana ia dihasilkan, sebab dan penyebabnya, cabaran yang dihadapinya dan lain-lain. Apabila kita sudah mengetahui akan sebab dan akibatnya, baharulah kita dapat menghuraikan isi kandungan karya seni itu. Sebagai gerak utama, sambutan atau tindak balas itu bertugas untuk bertimbang balik dengan objek seni tetapi objektif yang utama ialah mendekatkan lagi objek seni kepada kita meskipun kita terpaksa menyesuaikan diri dengannya. Sama ada kita kagum, benci, suka atau tidak, prioriti mestilah diberikan kepada karya seni itu.

Apabila kita berhadapan dengan karya seni, kita mestilah menyukainya untuk

dapat memberikan penilaian yang jitu dan adil lagi saksama. Karya seni yang tidak disukai pun wajar menerima apresiasi daripada khalayak seni. Mungkin dalam penulisan kita, karya seni itu menerima kritikan yang negatif. Sebagai pemerhati atau pengkritik seni, kita berhak ke atas penilaian awal kita. Setiap pemerhati mempunyai pengetahuan dan seleranya yang tersendiri. Demi mempertahankan pendapatnya, pengkritik itu akan tetap menyelami dasar iiwanya. Tugas kita kerap menjadi matang kerana jika kita lebih banyak tahu tentang diri maka lebih mudahlah kita mengenali diri. Apresiasi seni mengajar kita menghargai rasa dan perasaan sendiri. Menurut Rowland Bismark Fernando Pasaribu, (2013) penghayat yang merasa puas setelah menghayati karya seni, maka penghayat tersebut dapat dikatakan memperoleh kepuasan estetika. Iaitu hasil interaksi antara karya seni dengan penghayatnya. Interaksi tersebut tidak akan terjadi tanpa adanya suatu kondisi yang mendukung





dalam usaha menangkap nilai-nilai estetik yang terkandung di dalam karya seni iaitu kondisi intelektual dan kondisi emosional.

Apresiasi seni diperolehi melalui beberapa pendekatan Kritikan Seni. Ia boleh dibahagikan kepada empat, iaitu dari segi deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan. Deskripsi dari aspek kritikan seni adalah membuat inventori melalui pemerhatian tentang imej, benda, subjek dan penggunaan unsur-unsur seni dalam karya seni itu. Manakala analisis pula adalah mengkaji dari segi organisasi hasil seni yang dibuat dan bagaimana prinsip seni digunakan dalam menyusun unsur-unsur untuk menghasilkan kesatuan dalam karya seni tampak. Dalam pada itu, interpretasi juga mengkaji kualiti ekspresif (perasaan, mood dan idea) yang disampaikan melalui karya seni serta bagaimana menterjemahkan maksud dan maknanya. Akhir sekali penilaian atau pertimbangan juga penting untuk membentuk pendapat dan membuat keputusan bagi menentukan darjah merit artistik terhadap hasil karya seni itu.

### 1.9.2 ‘Folk Art’

Menurut Sir David Piper, (1984) 'Folk Art' adalah seni berdasarkan reka bentuk tradisional, dan sering dihasilkan oleh masyarakat petani. Walaupun ia mungkin termasuk lukisan, namun ia lebih umum berkaitan dengan hiasan, seperti dalam bentuk tenunan, logam, ukiran kayu dan sulaman. Reka bentuk dan pelaksanaannya sangat kompleks. Kekurangan unsur kecanggihan telah menarik perhatian ramai artis abad ke-19 dan ke-20 untuk menjana kesegaran sama dan kelangsungan dalam kerja-kerja mereka sendiri. Namun demikian menurut Kamus ArtLex Art, (2006), Seni





rakyat adalah seni yang dibuat oleh orang-orang yang mempunyai sedikit atau tiada pendidikan formal dalam seni. Artis ‘Folk Art’ biasanya membuat karya-karya seni dengan teknik dan kandungan yang bercirikan tradisional, mempunyai cara penurunan ilmu melalui generasi kepada satu generasi yang lain serta kebanyakannya hanya terdapat di kawasan kawasan tertentu sahaja.

### 1.9.3 Imej dan Simbol

Menurut Kamus Oxford, (2010) *Image is a representation of the external form of a person or thing in art* (ms.873). Ia membawa erti bahawa imej dari sudut seni merupakan bayangan kepada bentuk luaran bagi sesuatu benda atau seseorang. Bagi maksud simbol pula menurut Kamus Oxford, (2010) juga ia adalah tanda atau ciri-ciri yang digunakan sebagai perwakilan konvensional objek, fungsi atau proses dimana satu bentuk atau tanda yang digunakan untuk mewakili sesuatu seperti sebuah organisasi, sebagai contoh pertubuhan palang merah (ms.1802).

Kamus catatan Hawkins, (2011), menerangkan bahawa simbol merupakan *thing regarded as suggesting something; mark or sign with a special meaning.* (ms.309) yang bermaksud simbol adalah perkara yang merujuk kepada sesuatu iaitu tanda yang mempunyai maksud tersendiri yang istimewa.

### 1.9.4 Sosial Masyarakat

Kajian ini mengambil sosialisasi sebagai interdisiplin. Menurut Sullivan, (1995), Elemen asas yang terdapat dalam semua masyarakat boleh dilihat dibawah tajuk budaya dan struktur sosial. Kedua-dua istilah adalah kunci untuk memahami





perspektif sosiologi kerana komponen-komponen asas budaya dan struktur sosial adalah blok analisis sosiologi masyarakat (ms.35).

Sosialisasi adalah pembentukan tingkah laku manusia kedua-dua mental dan fizikal melalui pengalaman dalam situasi sosial. Sosialisasi juga adalah semua proses pembudayaan, komunikasi dan pembelajaran, di mana organisma individu membangun yang bersifat sosial dan mampu untuk mengambil bahagian dalam kehidupan sosial. Sebahagian daripada proses-proses ini beroperasi secara berterusan sepanjang hidup untuk membentuk atau membentuk semula sikap. Sementara yang lain beroperasi pada peringkat tertentu dalam kitaran hidup sebagai contoh masyarakat yang menyampaikan bantuan kepada orang tua atau yang sakit. Apakah tingkah laku yang diharapkan daripada mereka yang membantu ini, dalam lain perkataan apakah peranan mereka? G.Duncan Mitchell, (1979, ms.205). Menurut Joel M.Charon, (1989, ms.276) sosialisasi adalah percubaan masyarakat untuk mengajar kita cara-caranya. Melalui sosialisasi masyarakat menggariskan keperibadian, idea-idea, nilai dan moral. Ia juga mewujudkan emosi, keperluan dan pilihan. Adalah penting bagi meneruskan kesinambungan dalam masyarakat membentuk individu untuk menyesuaikan diri menerima dan mematuhi corak yang terbentuk.

Sosialisasi juga adalah 'proses di mana individu menerap kualiti kemanusiaan. Pertama melaluinya manusia mempelajari 'bahasa'. Kedua melaluinya juga manusia dapat membangunkan diri dan minda mereka. Ketiga-tiga kualiti ini iaitu 'bahasa', 'diri' dan 'minda' adalah penting kepada sifat kita sebagai manusia dan membolehkan kita menjadi sedikit sebanyak untuk menjadi aktif. Kepentingan 'sosialisasi' kepada manusia ialah ia membentuk diri, mempengaruhi perlakuan dan kepercayaan kita,






selain itu ia menjadikan kita manusia dalam erti kata memberikan kita bahasa, diri, dan fikiran serta ia juga memungkinkan merasai kebebasan sebagai manusia.

Dalam hal ini, penyelidik akan menggunakan teori ‘George Herbert Mead’ sebagai panduan dalam melihat ekstraestetika karya yang dibincang. George Herbert Mead (1863-1931), merupakan professor dalam falsafah dan psikologi di Universiti of Chicago. Adalah sangat penting untuk melihat kerja-kerja Meads dalam bentuk konsep yang menonjolkan hubungan kompleks antara masyarakat dan individu. Secara asasnya, teori Meads adalah berfokuskan kepada empat idea: Pertamanya Manusia adalah pengguna simbol ‘*symbol user*’ Sejak simbol timbul dalam interaksi, manusia dengan sifat semulajadi mereka suka bersosial. Keduanya pula kalangan manusia memperoleh diri ‘*acquires a self*’. Kita tidak dilahirkan dengan sifat yang terjadi sekarang sebaliknya ia timbul dalam interaksi. Ia ditunjukkan oleh orang lain.

Seperti juga simbol, diri ‘self’ adalah kualiti pusat manusia. ketiganya dari kalangan manusia terlibat dalam tindakan minda ‘*engages in mind action*’ iaitu, perbincangan manusia kepada diri sendiri, menggunakan simbol untuk menunjukkan perkara-perkara untuk diri, berfikir dan aktif mentakrifkan situasi. Ini juga adalah kualiti pusat. Ia menjadikan hubungan kita dengan alam sekitar kita unik secara semula jadi. Keempat pula sosialisasi adalah berterusan ‘*the individual is always changing in interaction*’.; individu berubah dalam interaksi. Kita tidak pernah ‘membentuk’ menurut George Ritzer & Goodman, (2004,). Kita tidak dibentuk oleh mana-mana kumpulan tunggal, seperti keluarga sebaliknya kita semua disosialisasikan sepanjang kehidupan kita. (ms.277)





Rajah 1.2. Teori George Herbert Mead terhadap Individu dan masyarakat.

Melalui teori George Herbert Mead **Rajah 1.2**, boleh diuraikan bahawa; Masyarakat melalui pemikiran sosialisasi mewujudkan individu, bentuk diri, minda dan simbol. Keduanya manusia melalui simbol, diri dan fikiran mencipta corak dan perubahan bentuk dan seterusnya manusia adalah makhluk yang kompleks, yang membangunkan satu set saling bergantungan sifat-sifat; simbol, diri dan fikiran. Ianya bangun secara bersama dan membentuk kemanusiaan. Hasilan kerja George ini dikenali sebagai teori ‘Symbolic interactionist’. Teori ini cuba memahami aksi ataupun tingkah laku, ianya tidak memfokuskan kepada personaliti tetapi sebaliknya interaksi merupakan satu sumber utama kepada perilaku individu. Teori ini menjelaskan bahawa individu bukanlah orang yang dibentuk sebaliknya individu itu secara konsisten dan berpanjangan dipengaruhi dalam interaksi tersebut, dalam lain perkataan individu itu telah disosialkan.

Teori ‘symbolic interactionist’ menghuraikan bahawa manusia secara individunya mudah dipengaruhi oleh masyarakatnya melalui simbol, justeru itu didalam kajian ini, penyelidik mengambil ‘Folk Art’ sebagai objek simbol dalam menyatukan masyarakat, individu dan juga minda mereka. Namun demikian, dari aspek budaya,



penyelidik mengambil empat konsep yang boleh dibincangkan dalam mempengaruhi individu kearah membentuk dan mencorak keperibadian manusia yang baik. Empat konsep tersebut ialah Persekutaran, Keperluan, Nilai dan Perilaku.

### 1.9.5 Persekutaran, Keperluan, Nilai dan Perilaku

Menurut G.Duncan Mitchell (1979), persekitaran merupakan ilmu sosiologi, kajian alam sekitar sosial dan ekonomi yang tersirat; ia pada asasnya tertumpu kepada manusia yang membuat kebajikan berkaitan dengan perumahan dan sanitasi. Kedua-duanya dalam komuniti bandar atau luar bandar. Dari sudut psikologi sosial pula persekitaran boleh dianggap sebagai fungsi persekitaran buatan manusia, termasuk bukan sekadar bangunan tetapi juga institusi budaya dan juga tradisi dan adat resam

masyarakat. Kajian mengenai ciri-ciri dan perubahan yang telah berlaku dan akan terus berlaku dan dalam persekitaran fizikal dalaman atau luaran.( ms.66).

Keduanya adalah dari segi ‘Keperluan’. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, keperluan adalah merujuk kepada sesuatu yang diperlukan (dikehendaki), sesuatu yang berguna. Justeru, pengkajian ini akan melihat kepada apakah menjadi satu keperluan kepada individu dan masyarakat umumnya untuk memahami faedah yang boleh diperolehi melalui aktiviti kesenian ‘Folk Art’ ini. Ketiganya, dari segi ‘Nilai’. Nilai adalah penting kepada ekonomi, sosiologi dan falsafah. Untuk ahli sosiologi, nilai adalah fakta konsisten dalam struktur sosial. Nilai didalam sosiologi adalah berperanan sebagai elemen struktur yang mana sebahagian besarnya diperolehi daripada interaksi sosial iaitu juga adalah unsur penting dalam teori sosial dan kajian mereka yang dalam penyelidikan sosiologi (G.Duncan Mitchell, 1979, ms.237).





Seterusnya ketiga iaitu ‘Nilai’. Menurut Sullivan, (1995) komponen yang paling asas dalam sosialisasi ialah kepercayaan, yang juga merupakan konsep tentang perkara yang dipercayai benar oleh orang. Orang ramai jarang mempercayai sesuatu perkara dengan mudah. Mereka juga cenderung untuk menerapkan kepercayaan mereka dengan kepentingan moral. Apabila ini berlaku, kepercayaan menjadi nilai, dimana ia adalah idea tentang apa yang baik atau buruk, dan betul atau salah. Orang ramai kemudiannya menggunakan nilai ini sebagai garis panduan untuk memilih matlamat dan menilai tingkah laku (ms.36).

Tingkah laku inilah yang seterusnya menjadi konsep keempat dan terakhir dalam mendalami faedah dan kepentingan ‘Folk Art’. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, Perilaku merujuk kepada tindak tanduk atau reaksi seseorang terhadap

sesuatu (rangsangan) yang menggambarkan sikapnya (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Tindakan atau tingkah laku, adalah dari kategori psikologi yang telah dianggap sebagai unit asas oleh ramai ahli psikologi. Dalam hubungan ini, adalah biasa untuk bercakap tentang ahli tingkah laku. Namun istilah yang lebih tepat adalah tindakan sosial, yang digunakan oleh kedua-dua ahli psikologi dan sosiologi. Ini dianggap oleh banyak pihak sebagai unit yang betul pemerhatian dalam bidang sains sosial. Menurut (G.Duncan Mitchell, 1979) sesuatu tindakan atau tingkah laku dianggap ‘sosial’ apabila si pelaku itu berkelakuan dengan apa-apa cara bahawa tindakannya adalah dimaksudkan dalam konteks di mana personaliti berkembang.(ms.2)

## 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab ini penyelidik menerangkan tentang proses untuk mengetahui bentuk, imej serta pengaruh ‘Folk Art’ terhadap masyarakat dalam karya





Zahir Yusof. Persoalan kajian serta pencarian maklumat adalah bermula daripada Encik Zahir berkecimpung secara profesional dalam ‘Folk Art’ ini dimana satu jangka masa yang agak panjang untuk di perdebatkan. Walaubagaimanpun, satu perkara yang amat menarik perhatian penyelidik untuk diketengahkan adalah bagaimanakah ‘Folk Art’ beliau ini mampu mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat sekeliling supaya dapat dilihat sebagai satu seni yang positif dan penting untuk diikuti. Sehubungan dengan itu penulis berkeyakinan bahawa penyelidikan ini adalah satu penyelidikan awal yang pernah diadakan di Malaysia. Melihat kepada kepentingan ini, penulis akan cuba untuk menjadikan penyelidikan ini sebagai satu kajian awal untuk menghasilkan sebuah rujukan ilmiah khusus membicarakan dunia seni ‘Folk Art’ di Malaysia.

‘Folk Art’ ini dipilih kerana unsur tradisional yang kukuh yang ada padanya,

di mana ia membina dan membentuk aa asas seni hiasan dekorasi dan interaksi simbolisme yang luas berkaitan dengan corak dan motif, kepelbagaiannya serta hasil estetik yang sangat berkualiti. Kepentingan serta faedahnya telah banyak diperbincangkan oleh ramai penyelidik luar dan dalam Negara, dan ini boleh dilihat melalui kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan sebelum ini. Justeru, perbincangan mengenainya dapat diikuti didalam bab seterusnya iaitu bab 2.

